

Headline **Mangsa sesat ditemui selepas hilang Khamis lalu**
 Date **05 Dec 2010**
 MediaTitle **Sinar Harian**
 Section **Mahkamah & Jenayah**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
 Page No **N8**
 Article Size **175 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **963**
 PRValue **2,888**



Mangsa sesat ditemui selepas hilang Khamis lalu

KEPONG – Pasukan penyelamat akhirnya mene-mui seorang lelaki yang sesat sejak Khamis lalu dalam hutan simpan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), di sini, dalam keadaan selamat di Hutan Sungai Buloh ber-hampiran Hospital Sungai Buloh (HSB), petang semalam.

Ketua Komander Must Selangor, Penolong Penguasa Bomba Abdul Latif Mat Noor berkata, Phan Chun Kiat, 33, ditemui di kawasan air terjun hutan itu dalam keadaan lemah mungkin keletihan serta lapar kira-kira jam 3.50 petang setelah sesat beberapa hari dan gagal mene-mui jalan keluar.

Menurutnya, Chun Kiat sesat hingga ke Hutan Sungai Buloh dan dibawa ke bilik kawalan kira-kira jam 4.30 petang semalam.



● CHUN KIAT

Katanya, mangsa juga mengalami calar di bahagian kaki disebabkan memakai pakaian jogging. Bagaimanapun, tiada se-barang kecederaan serius dialami serta mangsa dilaporkan stabil.

Abdul Latif berkata, mangsa dipertemukan dengan isteri, Loke Mee Kin, 33, serta keluarganya di bilik kawalan itu sebelum diantar ke Hospital Selayang untuk mendapat-

kan rawatan lanjut.

Seramai 40 pegawai termasuk anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia (PDRM), FRIM, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Ikatan Relawan Malaysia (Rela) dan orang awam ter-babit dalam operasi men-cari mangsa.

Abdul Latif berkata, bilangan anggota mencari ditambah berbanding 30 orang selepas mangsa ga-gal ditemui.

Menurutnya, operasi mencari mangsa itu dimulakan kira-kira jam 10 pagi semalam.

"Semalam (kelmarin) kita turut menggunakan khidmat helikopter kira-kira jam 4.25 petang untuk mencari mangsa," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, di sini, semalam.

Selain itu, katanya, beberapa Orang Asli yang

tinggal di kawasan ter-babit turut membantu mencari mangsa kerana mereka mahir dengan se-lok-belok hutan di kawa-san berkenaan.

Chun Kiat yang berpen-galaman dalam aktiviti redah rimba selama lebih enam tahun dipercayai sesat di hutan terbatit kira-kira jam 6.30 petang Khamis lalu.

Mangsa sempat meng-hubungi isterinya bagi meminta bantuan selepas dia gagal mencari jalan ke-luar.

Abdul Latif berkata, mangsa terus berkomuni-kasi dengan isterinya serta anggota penyelamat sehingga tengah malam hari kejadian melalui sistem pesanan ringkas (SMS).

Bagaimanapun, komu-nikasi itu terhenti selepas telefon bimbitnya kehabi-san bateri.